


UNIT 1: Kemahiran Saintifik

- Membuat Hipotesis
- Mengeksperimen

Satu penyiasatan mengenai ayunan bandul dijalankan seperti rajah di bawah. Lima bandul yang sama diikat dengan panjang tali yang berbeza. Lengkapkan.



Rujukan Buku Teks
Unit 1; m.s. 15 – 20



Jadual berikut menunjukkan keputusan penyiasatan yang dicatatkan.

Bandul	M	N	O	P	Q
Bilangan ayunan bandul seminit	15	13	11	8	5

- (a) Nyatakan hipotesis daripada penyiasatan ini.
Semakin bertambah _____, semakin berkurang _____ bandul seminit.
- (b) Nyatakan pemboleh ubah dimanipulasikan.
_____ tali
- (c) Nyatakan pemboleh ubah bergerak balas.
_____ bandul seminit
- (d) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada penyiasatan ini?
Bilangan ayunan bandul bergantung kepada _____.